

## TRIS simpan data pelarian dengan kad UNHCR di Malaysia

Oleh [Muhammad Zulsyamini Sufian Suri](#) - Julai 23, 2022 @ 4:37pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Hamzah Zainuddin ketika menyampaikan surat keputusan permohonan kewarganegaraan kepada seorang pemohon yang hadir dalam program Kita Demi Negara Zon Utara di Dewan Astaka Batu Kurau, hari ini. - Foto NSTP/Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

LARUT: Kerajaan meluluskan penggunaan Sistem Pengesan Maklumat Pelarian (TRIS), satu platform untuk mengumpul data dan maklumat mengenai pelarian atau pencari suka yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, susulan kelulusan penggunaan TRIS secara menyeluruh, pemegang kad UNHCR dikehendaki membuat pendaftaran semula dengan sistem itu.

"Semalam Kabinet meluluskan program TRIS untuk menyimpan segala data pelarian yang mempunyai kad UNHCR. Mereka hendaklah didaftarkan semula dengan TRIS supaya kita tahu berapa ramai sebenarnya pelarian sah yang ada dalam negara.

"Melaluinya, kita akan dapat memastikan sesiapa sahaja antara mereka yang mahu bekerja atau melakukan sesuatu, maka akan kita pertingkatkan (kawalan) melalui polisi yang akan diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya dalam program Kita Demi Negara Zon Utara di Dewan Astaka Batu Kurau, hari ini.

Pelaksanaan TRIS diberikan kepada sebuah syarikat bertujuan memastikan segala data pelarian terbabit khususnya mengenai lokaliti penempatan mereka diketahui.

"Sebenarnya program TRIS ini sudah kita buat melalui beberapa 'trial (percubaan) sejak beberapa tahun lalu namun baru semalam kelulusan diperoleh bagi melaksanakannya secara menyeluruh," katanya.

TRIS adalah platform untuk mengumpul segala maklumat pelarian dan pencari suka bagi membolehkan kerajaan memantau dan menjejaki semua pelarian yang berada di Malaysia.

Semua maklumat yang didaftar akan diselaraskan dengan pangkalan data kerajaan Malaysia antaranya seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), polis, dan MKN.

Semua pelarian yang berdaftar di bawah TRIS akan diberi kad pengenalan Khas (MyRC) yang mengandungi data peribadi dan juga disahkan oleh Kerajaan Malaysia.

TRIS diperkenalkan untuk mengemaskini proses pengurusan dan profil bersama dengan proses pengumpulan data, pendaftaran, penyimpanan profil, analisis dan pelaporan untuk Kerajaan Malaysia.

Data dan maklumat yang dikumpulkan daripada pemegang kad UNHCR dan pencari suka adalah selaras dengan data yang dikumpulkan oleh UNHCR namun sistem TRIS lebih terperinci kerana ia membabitkan keseluruhan profil keluarga pelarian dan pencari suka.

Sistem TRIS disokong dan diselesaikan oleh teknologi canggih melalui pangkalan data utama di mana pendaftaran dilakukan dengan kaedah pengecaman wajah, cetakan biometrik dan pengecaman suara dengan menggunakan kad MyRC (Kad Pelarian Malaysia) atau kad pengenalan diri mereka.